

BULETIN USR 2022 | ISU 1

# APA HABAQ HANGPA?



الجامعة الإسلامية  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh  
Pulau Pinang





Pada tanggal 19 Ramadhan 1443 bersamaan 20 April 2022 merupakan hari dimana Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan (FPHP) menjalankan program khidmat masyarakat yang berlangsung saban tahun. Namun begitu, program yang berjalan pada tahun ini dijalankan dengan sedikit kelainan dimana pengajur menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan disamping menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat.



Selepas badai wabak yang melanda dunia, kita dikurniakan satu rahmah dari yang Maha Besar dengan terangkatnya musibah ini dari muka bumi. Namun ramai keluarga telah terkesan dengan teruknya oleh wabak ini, oleh itu FPHP mengambil satu tanggungjawab sosial bagi membantu masyarakat setempat yang terkesan dari wabak tersebut dengan membawa sedikit Hadiah Ramadhan (HADRAH) buat mereka. Ini merupakan tahun ke-6 pihak FPHP menjayakan program ini bertemakan tanggungjawab sosial dan keusahawanan. Program kali ini tidak hanya memfokuskan aktiviti kemasyarakatan sahaja tetapi ianya dilebarkan kepada keusahawanan pelajar, perkongsian ilmu dan juga kerjasama dengan agensi luar.

Misi dan visi utama program HADRAH 6.0 kali ini adalah membantu masyarakat setempat yang terkesan oleh pandemik dibantu dari segi kewangan, barangan untuk menyambut hari lebaran serta perkongsian ilmu keusahawanan agar sedikit sebanyak dapat membuka buah fikiran mereka dalam menambah pendapatan keluarga. Alhamdulillah semua perancangan ini berjaya dijalankan dengan jayanya. Program ini mendapat kerjasama dari beberapa pihak bagi membantu khariah yang terkesan. Antaranya adalah pihak Mamed UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan projek *Canteen Day* yang mana hasil jualan dari projek tersebut

diberi 100% kepada pihak Masjid, manakala unit Zakat Pulau Pinang pula turun padang bagi memberi pencerahan kepada warga setempat berkenaan bantuan keusahawanan yang boleh dimohon dari unit Zakat. Kami juga berterima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Mamee Sdn. Bhd. atas kesudian menjadi penaja utama bagi program Demo Masakan bersama Chef Selebriti yang mana berkongsi cara penyediaan makanan yang boleh dikomersialkan oleh masyarakat setempat. Selain itu, program ini juga memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar FPHP

dan juga MPP UiTM Pulau Pinang berkenaan tanggungjawab sosial dan juga keusahawanan melalui program yang kami jalankan. Sepanjang program ini berlangsung, pelajar-pelajar ini kami dedahkan bagaimana membantu masyarakat setempat yang memerlukan melalui aktiviti seperti pemberian barangan, gotong-royong pembersihan masjid dan juga memasak juadah yang mana menjadi teras dalam kebanyakan program

kemasyarakatan. Di samping itu, pelajar juga didedahkan dengan nilai keusahawanan dalam projek Canteen Day dan juga Ceramah Unit Zakat Pulau Pinang. Pihak MPP UiTM juga berbesar hati menyertai program kami dengan membantu menyediakan bubur lambuk dan menyumbang kepada masyarakat setempat.

Alhamdulillah, program yang telah dijalankan ini mendapat maklum balas yang sangat baik daripada semua yang terlibat samaada penganjur, pelajar, masyarakat setempat dan juga penyumbang kepada program ini. Penganjuran Hadrah 6.0 kali ini memang membawa satu kelainan baharu dengan tema dan juga sub-projek di dalamnya.





# DEMO MASAKAN

by

# hadrah<sup>6.0</sup>

**20 APRIL 2022 (Rabu)  
PERKARANGAN MASJID BATU,  
KAMPUNG PERTAMA,  
3:00 PETANG - 4:00 PETANG**



*Chef Hafizah*  
UITM CPP

- > Aneka Popia dengan Mamee (Savory dan Manis)
- > Pudding Diraja "Royal Pudding Next Level"



*Chef Azli*  
UITM CPP

**TAJAAN:**



**ANJURAN: FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS PERMATANG PAUH**

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

